

Bil. S 70

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2005/2006) (BIL. 7), 2006

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 28/06) bertarikh 6 haribulan Mac, 2006 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (5) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu, empat ratus tiga puluh tiga juta, lapan ratus lima puluh dua ribu dan empat ratus enam ringgit (\$4,433,852,406.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2005/2006), 2005 (S 22/05);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga puluh satu juta, tujuh ratus tujuh ribu dan empat ratus sembilan puluh sembilan ringgit (\$31,707,499.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 1), 2005 (S 58/05);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh lapan juta, sembilan ratus tiga puluh empat ribu, tiga ratus lima puluh satu ringgit dan empat sen (\$28,934,351.04) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 2), 2005 (S 62/05);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh tujuh juta ringgit (\$27,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 3), 2005 (S 63/05);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh sembilan juta, tiga ribu dan lima ratus ringgit (\$29,003,500.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 4), 2005 (S 73/05);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh sembilan juta, empat ratus lapan puluh ribu, lima puluh tiga ringgit dan enam sen (\$29,480,053.06) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 5), 2005 (S 74/05);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh satu juta, seratus tiga puluh lapan ribu, sembilan ratus dan enam puluh tiga ringgit (\$21,138,963.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 6), 2006 (S 11/06);

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak empat puluh satu juta, empat ratus dua puluh tujuh ribu, tujuh ratus dan empat ringgit (\$41,427,704.00);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Fasal-Fasal (3) dan (5) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 7), 2006.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun kewangan 2005/2006, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi empat puluh satu juta, empat ratus dua puluh tujuh ribu, tujuh ratus dan empat ringgit (\$41,427,704.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun kewangan 2005/2006, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Perintah Perbekalan (2005/2006), 2005 (S 22/05), Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 1), 2005 (S 58/05), Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 2), 2005 (S 62/05), Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 3), 2005 (S 63/05), Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 4), 2005 (S 73/05), Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 5), 2005 (S 74/05) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 6), 2006 (S 11/06) adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang ini adalah diperuntukkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang yang didahulukan dari Kumpulanwang Luarjangka yang

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

diwujudkan di bawah ceraian (1) bab 10 dari Perintah Perlembagaan (Peraturan Kewangan) adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

[1]	[2]	[3]	[4]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk	Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Luarjangka
JABATAN PERDANA MENTERI			
SA01A	Jabatan Perdana Menteri	\$576,402.00	\$576,402.00
SA02A	Adat Istiadat Negara	\$216,124.00	\$216,124.00
SA07A	Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat	\$102,863.00	\$102,863.00
SA08A	Radio Televisyen Brunei	\$1,894,325.00	\$1,894,325.00
SA12A	Polis Diraja Brunei	\$212,610.00	\$212,610.00
SA20A	Pencetak Kerajaan	\$771,100.00	\$771,100.00
KEMENTERIAN KEWANGAN			
SD01A	Jabatan Kementerian Kewangan	\$2,300,000.00	\$2,300,000.00
SD03A	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	\$34,500.00	\$34,500.00
SD05A	Perkhidmatan Rampaian	\$9,724,925.00	\$9,724,925.00
SD08A	Perkhidmatan Rampaian HMSF	\$5,925,280.00	\$5,925,280.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI			
SE02A	Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan	\$530,000.00	\$530,000.00
SE10A	Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan	\$861,060.00	\$861,060.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA			
SJ01A	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama	\$191,145.00	\$191,145.00
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN			
SK03A	Jabatan Kerja Raya	\$7,575,200.00	\$7,575,200.00
SK05A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$3,290,000.00	\$3,290,000.00

JADUAL – sambungan

[1]	[2]	[3]	[4]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk	Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Luarjangka
	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN		
SL03A	Jabatan Belia dan Sukan	\$658,650.00	\$658,650.00
	KEMENTERIAN KESIHATAN		
SM02A	Jabatan Perkhidmatan Perubatan	\$5,641,032.00	\$5,641,032.00
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN		
SN04A	Jabatan Penerbangan Awam	\$922,488.00	\$922,488.00
		<u>\$41,427,704.00</u>	<u>\$41,427,704.00</u>

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 7 haribulan Jun, 2006 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**